

**UCAPAN OLEH YABHG TUN DR MAHATHIR BIN MOHAMAD
DI MAJLIS PENGANUGERAHAN IJAZAH KEHORMAT DOKTOR EKONOMI
OLEH UNIVERSITI MALAYSIA SABAH DI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
PADA HARI SABTU, 28 OGOS 2004**

Terlebih dahulu saya ucap terima kasih kepada Universiti Malaysia Sabah kerana sudi menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Ekonomi kepada saya. Saya bukanlah terlatih dalam bidang ekonomi. Pengetahuan saya yang sedikit berkenaan dengan bidang ini datangnya daripada pengalaman menangani masalah ekonomi negara semasa saya menjadi Perdana Menteri. Bahawa pengetahuan daripada pengalaman ini diiktiraf oleh Universiti Malaysia Sabah sehingga sanggup menganugerahkan kepada saya Ijazah Kehormat Doktor Ekonomi amatlah saya hargai.

3. Hakikat yang perlu diterima ialah di zaman ini pemerintahan sesuatu negara perlu memberi perhatian kepada ekonomi lebih daripada soal-soal politik atau hubungan antarabangsa. Jika ekonomi tidak sihat maka politik juga akan menjadi tidak sihat dan tekanan akan dirasakan kerana negara-negara lain serta kuasa-kuasa besar akan cuba menekan negara yang lemah ekonominya.

4. Sebenarnya banyak pergolakan dalam sejarah moden negara-negara berpunca daripada masalah ekonomi. Ini lebih menjadi-jadi apabila tibanya zaman industri. Perbezaan yang amat ketara di antara pekerja dengan majikan, dan layanan yang tidak adil terhadap pekerja telah menyebabkan pemberontakan oleh pekerja. Mereka telah menubuh Kesatuan-kesatuan Sekerja yang menggunakan senjata mogok dan lain-lain untuk menuntut hak mereka. Kemudian ideologi sosialis dan komunis dicipta yang dipercayai akan menghasilkan masyarakat yang lebih adil, yang memberi kuasa kepada kaum buruh, dan menentukan semua pihak akan mendapat kekayaan yang sama.

5. Permusuhan antara buruh dan majikan melarat hingga di puncaknya berlaku Revolusi di Russia di mana berjuta-juta daripada puak yang didakwa kapitalis telah dibunuh dan pemerintahan Soviet Sosialis di adakan. Mereka percaya mereka akan berjaya mengadakan "Syurga Dunia" dengan cara ini.

6. Selama 70 tahun permusuhan yang ketat berlaku diantara blok kapitalis dan blok komunis. Akhirnya blok komunis sedar bahawa ideologi mereka tidak berjaya mengadakan syurga di dunia dan tidak akan berjaya sampai bila-bila masa. Hasilnya ialah ideologi ini digugur dan ideologi kapitalis pula bermahajaralela.

7. Kita hidup sekarang di zaman yang percaya kepada kebebasan untuk kapitalis bersaing tanpa apa-apa peraturan, yang percaya siapa yang menang dalam persaingan ini dialah yang benar dan dia akan membolot semua untuk dirinya. Yang kalah akan kalah semua. Jika di zaman Perang Dingin masing-masing cuba membendung sedikit nafsu dan ketamakan mereka, setelah tamatnya Perang Dingin puak kapitalis berpendapat tidak lagi ada sebab untuk membendung nafsu dan sifat tamak mereka. Mereka ingin merebut segala-galanya bagi diri mereka, walaupun dalam proses itu ramai yang cedera dan jatuh tersungkur dalam arena ekonomi; ditindas dan diperhambakan.

8. Sesungguhnya komunis atau kapitalis sama sahaja. Kedua-duanya tamak dan bengis.

9. Sistem komunis tidak berjaya kerana menghapuskan puak yang kaya menghakis pasaran bagi pelbagai jenis barangan. Jika semua anggota masyarakat mempunyai pendapatan yang sama, mereka bukan menjadi sama kaya tetapi mereka menjadi sama miskin. Betapa tidak. Jika seseorang yang ingin mendapatkan apa-apa perkhidmatan daripada seorang lain sebagai, pemandu kereta umpamanya, maka ia terpaksa membayar bayaran yang sama dengan pendapatannya sendiri, untuk menentukanimbangan antara semua anggota masyarakat. Maka sudah tentu ini tidak dapat dilakukan tanpa menjadikannya papa kedana. Justeru itu dalam masyarakat Komunis Sosialis kekayaan tidak bermakna sama sekali. Semua rakyat sosialis miskin kerana cara hidup semua adalah cara hidup orang yang miskin. Hanya pemimpin negara sahaja yang hidup mewah kerana dibekal segala-galanya oleh pemerintahan.

10. Keuntungan yang diperolehi oleh semua perniagaan dan perusahaan yang dimiliknegerakan tidak pun setinggi dahulu. Ia merosot kerana semua pelanggan adalah miskin dan tidak dapat membeli melainkan barangan yang murah. Dan ini tentulah mengurangkan keuntungan. Di masa yang sama pekerja dalam perniagaan dan perusahaan milik negara perlu dibayar dengan bayaran yang tinggi untuk disamakan dengan pendapatan semua pekerja lain, walaupun hasil kerja tidak meningkat. Kos yang tinggi dan harga yang rendah tetap akan mengurangkan lagi keuntungan. Sebaliknya jika harga jualan dinaikkan, tidak ramai yang akan dapat membeli. Syarikat akan rugi juga, negara sebagai pemilik akan rugi dan kemudahan untuk rakyat tidak akan dapat diadakan. Tanpa kemudahan awam taraf hidup rakyat tidak akan meningkat.

11. Setelah 70 tahun dicuba dan didapati rakyat tidak menjadi kaya dan syurga di dunia tidak wujud maka sistem sosialis dan komunis dibatalkan. Maka sia-sia sahajalah berjuta manusia yang dibunuh untuk menjayakan sosialisme dan komunisme.

12. Puak Kapitalis yang anggap mereka sudah berjaya sekarang cuba menguasai dunia dan mengembangkan ideologi mereka. Mereka sanggup menggunakan kekuatan bersenjata, mereka mencerooboh masuk dan menakluk negara-negara lain untuk memaksa negara-negara ini dibuka kepada pedagang dan pelabur mereka. Syarikat-syarikat gergasi mereka akan menghapuskan semua saingan dan menguasai pasaran dunia.

13. Dengan mempermainkan pasaran matawang yang dicipta oleh mereka, negara-negara yang mungkin maju dapat dijadikan begitu miskin sehingga terpaksa tunduk dan serah segala urusan ekonomi kepada mereka. Dengan cara ini dan cara-cara lain secara tidak langsung mereka berjaya menjajah semula negara-negara di dunia.

14. Dalam negara kita pula kita menghadapi masalah keperluan mengimbangkan ekonomi antara kaum. Kita telah perkenalkan Dasar Ekonomi Baru, tetapi, walaupun sedikit sebanyak kejayaan tercapai, sasaran 30% bagi bumiputra belum lagi tercapai.

15. Apakah kita harus teruskan dengan DEB dan menyebabkan pihak-pihak tertentu berasa tidak puas hati dan pertumbuhan ekonomi terjejas atau apakah kita harus hentikan DEB dan melihat jurang antara ekonomi bumiputra dan bukan bumiputra

menjadi semakin jauh, walaupun mungkin ekonomi tumbuh dengan lebih pesat. Dilema dalaman ini terpaksa ditangani oleh Kerajaan. Kita perkenalkan Dasar Pembangunan Nasional yang mengurangkan sedikit pendekatan-pendekatan DEB. Tetapi didapati prestasi bumiputra tidak berganjak, tidak meningkat dan tidak menurun. Apakah kita harus turunkan sasaran ekonomi bagi bumiputra kepada 20% sahaja.

16. Kerajaan memerlukan wang untuk membiayai pentadbiran dan membekal kemudahan infrastruktur. Kewangan Kerajaan bergantung kepada prestasi ekonomi. Jika Kerajaan tidak berjaya mengembangkan ekonomi negara maka cukai Kerajaan akan berkurangan dan Kerajaan mungkin tidak mampu membiayai urusan pentadbiran dan pembangunan infrastruktur yang diperlukan. Dimasa yang sama kakitangan Kerajaan tetap akan menuntut tambahan pendapatan mereka.

17. Sesungguhnya pengurusan ekonomi negara amat rumit dan memerlukan pengurus yang terlatih dalam bidang ini. Tetapi dalam sistem politik yang kita amalkan, yang pakar dalam bidang ekonomi kerap kali tidak terpilih untuk menerajui Kerajaan. Mereka hanya dapat menjadi penasihat. Ini bermakna akhirnya yang menentukan dasar dan pendekatan ekonomi adalah ahli politik yang tidak terlatih.

18. Tetapi kita bernasib baik kerana pejuang-pejuang kemerdekaan kita, dengan kebijanya menolak sistem sosialis / komunis tetapi tidak pula menerima sepenuhnya sistem kapitalis. Kita tidak mengikat diri dengan apa-apa ideologi. Sebaliknya kita memilih untuk bebas daripada kedua-dua ideologi dan bertindak mengikut keadaan. Kita bersikap pragmatis, mengguna pendekatan sosialis / komunis jika sesuai, dan kapitalis pasaran bebas jika menguntungkan. Demikian sementara kita mempunyai perniagaan dan perusahaan yang dimiliki oleh negara, kita juga sanggup swastakan fungsi Kerajaan dan perniagaan miliknya jika ini dapat memberikan hasil kepada kita.

19. Sebenarnya kebebasan inilah yang menjayakan ekonomi negara ini. Apabila kita ingin membuat sesuatu kita tidak perlu soal samada ia secocok dengan ideologi kita atau tidak. Jika setelah memilih sesuatu pendekatan ia tidak berjaya, kita boleh dengan mudah menukar kepada pendekatan yang lain.

20. Demikian kita telah cuba mengadakan perniagaan milik negara yang kemudian dipindah kepada swasta kerana tidak menguntungkan. Sebaliknya apabila perniagaan milik negara berjaya ia dikekalkan.

21. Pengurusan pentadbiran negara memerlukan wang dan wang ini didapati daripada cukai yang dipungut. Sudah tentu jika perniagaan swasta maju maka cukai Kerajaan juga akan bertambah. Sebab itu Kerajaan tidak segan-segan mengadakan kerjasama yang rapat dengan pihak swasta dalam konsep Persyarikatan Malaysia. 28% daripada keuntungan syarikat swasta adalah hak Kerajaan sebagai cukai korporat. Kerajaan seolah-olah mempunyai 28% daripada saham syarikat, tanpa mengeluarkan apa-apa modal. Maka ralatlah Kerajaan menolong perniagaan supaya mendapat untung yang halal.

22. Walau bagaimana besar pun perolehan Kerajaan daripada cukai dan lain-lain punca ia masih tidak mencukupi untuk membiayai keperluan pembangunan kemudahan awam dengan secukupnya dalam masa yang ianya diperlukan. Kita boleh tunggu sehingga Kerajaan dapat mengutip cukup cukai atau kita juga boleh menaikkan cukai.

Jika ekonomi tidak tumbuh maka Kerajaan tidak akan dapat cukai dan rakyat tidak akan mendapat pekerjaan atau kenaikan pendapatan. Oleh sebab itu kita tidak boleh tunggu.

23. Jikalau kita naikkan cukai pula maka ia akan menjadi beban kepada rakyat dan perniagaan. Kerana beban ini maka pelaburan akan berkurangan dan sekali lagi peluang pekerjaan tidak akan bertambah dan harga barangan akan naik kerana cukai telah dinaikkan. Ini mengurangkan dayabeli rakyat, iaitu rakyat akan jadi miskin.

24. Kerana kelembapan ekonomi yang disebabkan oleh kenaikan cukai, jumlah cukai yang dapat dipungut tidak akan bertambah. Sebaliknya ia mungkin berkurangan. Maka matlamat menaikkan cukai untuk menambah dana Kerajaan tidak akan tercapai.

25. Kerajaan boleh hutang untuk membiayai pembangunan tetapi hutang juga ada hadnya. Jika hutang melebihi kemampuan membayar balik, maka Kerajaan akan menghadapi masalah kewangan.

26. Dengan mengambilkira semua inilah maka Kerajaan memilih penswastan untuk membekal keperluan kemudahan awam supaya ekonomi dapat tumbuh dan pembangunan negara dapat diteruskan.

27. Penswastan di Malaysia dibuat dengan bersyarat iaitu pekerja tidak boleh digugurkan dan upah mereka tidak boleh dikurangkan. Sebaliknya pendapatan mereka hendaklah ditingkatkan.

28. Tetapi jika nasib pekerja hendak dibela seperti ini maka kos pembangunan dan operasi tentulah meningkat. Swasta bergantung kepada bayaran oleh pengguna untuk mendapat balik kos pembangunan dan operasi. Jika kos tinggi maka bayaran oleh pengguna mestilah tinggi. Dan ini sudah tentu tidak disukai oleh pengguna, menjadi beban kepada mereka, dan akan ditentang oleh mereka. Mereka juga tidak akan mengguna kemudahan yang disediakan.

29. Untuk mengelak dari semua ini maka kos yang perlu ditanggung oleh swasta perlu dikurangkan dengan Kerajaan membantu dengan memindah kepada syarikat harta Kerajaan yang terlibat dan bahagian-bahagian yang sudah disediakan oleh Kerajaan pada harga yang rendah atau nominal sahaja. Kerajaan juga adakalanya perlu memberi hutang murah kepada syarikat yang terlibat.

30. Dengan ini bayaran tol dan lain-lain bayaran oleh pengguna tidaklah terlalu tinggi. Ini menyebabkan khidmat dan kemudahan ini diguna dengan sepenuhnya. Dan syarikat pula tidak akan rugi. Sesungguhnya semua kadar bayaran untuk khidmat yang diswastakan oleh Kerajaan di Malaysia adalah yang terendah di dunia dan khidmat dan kemudahan adalah antara yang terbaik.

31. Sokongan Kerajaan kepada projek bukanlah kerana ingin melihat syarikat mendapat untung luar biasa, tetapi kerana ingin mengurangkan beban pengguna. Lagipun pengguna juga pembayar cukai dan berhak mendapat bantuan Kerajaan.

32. Adalah tidak munasabah mengharap pihak swasta melabur sebagai satu usaha kebajikan dan sanggup menanggung rugi. Sebenarnya jika khidmat yang diswastakan akan merugikan syarikat, tidak ada siapa yang akan sanggup melabur. Mereka yang

mengkritik tentang bayaran yang dikenakan, mereka juga tidak sanggup melabur apabila di pelawa untuk melaksanakan projek penswastaan.

33. Ada juga yang menuduh projek penswastaan diberi kepada kroni pihak tertentu. Hakikatnya ialah siapa juga yang mendapat projek penswastaan atau apa-apa kontrak Kerajaan akan dituduh sebagai kroni. Jika Kerajaan tidak hendak dituduh maka penswastaan dan kontrak hendaklah jangan diadakan dalam masa yang dikehendaki. Tetapi jika tidak diadakan maka lebuhraya, loji janakuasa, sistem transit ringan, pelabuhan, bekalan air dan bermacam lagi kemudahan awam yang terdapat di Malaysia tidak mungkin diadakan. Dan jika semua ini tidak ada maka Malaysia tidak mungkin membangun dan maju seperti sekarang. Dan Kerajaan pula akan kekurangan wang kerana syarikat swasta akan rugi kerana tidak dibantu dengan kemudahan yang diperlukan.

34. Dahulu Telekom diperuntukkan hampir 200 juta tiap tahun daripada belanjawan kerajaan. Hari ini Telekom untung lebih daripada satu billion. Telekom membayar cukai kepada Kerajaan dan, oleh kerana Kerajaan mempunyai saham yang banyak dalam Telekom Malaysia, Kerajaan juga mendapat dividen. Di masa yang sama pengguna mendapat khidmat yang sudah tentu lebih baik daripada yang terdapat di masa Telekom adalah jabatan kerajaan kerana proses membuat keputusan oleh Kerajaan tetap memakan masa sedangkan kemajuan teknologi Telekom adalah begitu pesat dan memerlukan keputusan dan tindakan segera jika tidak hendak ditinggal oleh pesaing.

35. Semasa menghadapi kegawatan ekonomi akibat serangan oleh penyangak matawang, pengurusan kewangan negara dicabar dari pelbagai sudut. Pihak penyangak matawang menurunkan nilai matawang kita sehingga Kerajaan dan juga syarikat-syarikat perniagaan hampir mufliis. Usaha kita untuk membeli Ringgit yang dijual dengan banyaknya untuk mempertahankan nilainya tidak berjaya kerana kita tidak punya dana yang cukup untuk membeli semua Ringgit yang dijual. IMF pula menekan supaya kita laksanakan pendekatan yang disyor oleh mereka, yang mana ia akan merosakkan lagi ekonomi kita. Harapan IMF ialah kita akan terpaksa berhutang darinya dan meletakkan pengurusan kewangan negara kita dibawah kuasa mereka. Kita akan hilang kebebasan kita untuk melaksanakan DEB dan lain-lain dasar kita.

36. Ramai pakar-pakar luar dan dalam serta media asing menekan kita. Dan kita sendiri berasa tertekan kerana kewangan kita merosot dan kita tidak mampu membayar semua keperluan import kita. Apabila masa tiba untuk kita bayar hutang luar maka kita mungkin gagal membayarnya dan ini akan merosakkan credit kita. Tidak ada siapa yang akan memberi hutang kepada kita lagi.

37. Kita terpaksa mengkaji segala angka berkenaan dengan prestasi ekonomi kita setiap hari dan cuba memperbaiki mana-mana sektor yang menghadapi masalah. Kadang-kadang kita berjaya dan kadang-kadang gagal. Dan ekonomi kita terus menjadi buruk kerana penyangak matawang terus menjual wang kita dan menyebabkan nilainya jatuh lagi.

38. Sesungguhnya keadaan negara cukup cemas. Institusi antarabangsa memihak kepada penyangak matawang dan menolak desakan kita supaya perniagaan matawang di hentikan.

39. Kita merayu berkali-kali kepada IMF, Bank Dunia, masyarakat antarabangsa supaya melarang perniagaan matawang kerana wang kertas tidak punyai nilai tersendiri, tetapi rayuan kita tidak dihiraukan.

40. Sebab itulah setelah kita pelajari cara-cara penipuan yang dilakukan dalam perniagaan matawang dan saham melalui CLOB, kita terpaksa cipta pendekatan kita sendiri bagi mengatasi serangan ke atas matawang negara kita.

41. Kesan daripada manipulasi matawang oleh penyangak matawang masih kita rasai hingga ke hari ini. Jika tidak kerana nilai matawang kita terpaksa diturunkan daripada 2.5 bagi 1 dollar Amerika kepada 3.8 bagi satu dolar Amerika, hari ini pendapatan per kapita kita ialah 6000 Dolar Amerika dengan dayabeli sebanyak 18,000 Dolar Amerika. Matlamat Wawasan 2020 sudah separuh tercapai.

42. Pengalaman kita dalam menangani krisis kewangan memberi banyak pengajaran kepada kita dan kepada saya sendiri. Sesuatu pengajaran yang besar ialah penanganan ekonomi tidak semestinya mengikut apa yang kita pelajari daripada buku-buku tulisan pakar. Sebenarnya ada banyak cara untuk menangani sesuatu masalah, bukan satu sahaja. Kita juga belajar bahawa tidak ada sesuatu yang lebih mungkin berjaya daripada meneliti dengan halus setiap masalah dan memahaminya sebelum tindakan di ambil.

43. Saya bersyukur kerana walaupun negara menghadapi masalah ekonomi berkali-kali diwaktu saya menerajunya tetapi akhirnya negara dapat memulihkan dirinya. Saya percaya dengan pengalaman mengurus ekonomi dalam masa krisis, kita akan terus berjaya memimpin ekonomi negara supaya pertumbuhan yang tinggi tercapai dan Wawasan 2020 akan menjadi kenyataan. Demikian pelajaran yang didapati oleh saya.

44. Sekali lagi saya ucapkan berbilang terima kasih kepada Universiti Malaysia Sabah kerana sudi menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Ekonomi kepada saya.
